

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) is designed to provide you with some key information on your motor insurance.

Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too.**



AIA General Berhad
201001040438 (924363-W)

Date: 1 Jan 2026

The benefit(s) payable under eligible policy / products is (are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System ("TIPS") Brochure or contact AIA General Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

This product is distributed through Peak3 (Malaysia) Sdn. Bhd. and is underwritten by AIA General Berhad. Peak3 (Malaysia) Sdn. Bhd. is a registered agent of AIA General Berhad. AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

1 What is Comprehensive Private Car Insurance?

Comprehensive Private Car Insurance provides insurance against liabilities to other parties for injury or death, damage to other parties' property, and accidental or fire damage to your vehicle or theft of your vehicle.

2 Know Your Coverage

As an illustration, for **RM1,933.87** annually, you will receive the following coverage:

Sum Insured	RM50,000
No Claim Discount (NCD) Entitlement	0%
*Additional Coverage (This is purchased with an additional premium)	• Windscreen damage • Damage arising from flood and landslide • Legal Liability to Passenger • Legal Liability of Passenger for Negligent Act • Additional Named Driver <i>Note: It is an offence under the laws of the Republic of Singapore to enter the country without extending passenger liability cover to your motor insurance.</i>

Your policy covers: (i) Liabilities to third party for injury, death, property loss/damage; (ii) Loss/damage to own vehicle due to accidental fire/theft; (iii) Loss/damage to own vehicle due to accident; and (iv) Liabilities to driver & passengers of own vehicle (property, bodily injury, death).	Your motor policy excludes: (i) Your own death or bodily injury; (ii) Your liability against claims from your passengers; (iii) Theft of non-factory fitted vehicle accessories (car stereos, leather seats, sports rim, etc.) unless otherwise declared; (iv) Consequential loss, depreciation, wear and tear, mechanical or electrical breakdown failures or breakages; and (v) Loss/damage arising from an act of nature e.g. flood, landslide. Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Policy Contract for the full list of exclusions under this policy.
---	---

If you have any questions or require assistance on your motor insurance, you can:



Contact us at:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Visit us at:
[Comprehensive Private Car Insurance](#) |
[Personal Vehicle Insurance](#)



Email us at:
my.pdsenquiry@aia.com

For this motor insurance policy, you must pay a premium of:

Basic Premium	RM 1,781.36
(-) 0% NCD entitlement	RM 0.00
(+) Additional Coverage	RM 0.00
(+) Service Tax (based on applicable tax imposed by the Government of Malaysia at the prevailing rate)	RM 142.51
(+) Stamp Duty	RM 10.00
(+) Commission / (-) Rebate for direct channel (commission is included in the basic premium)	10% of gross premium or RM 178.14
Total premium payable	RM 1,933.87

**IMPORTANT INFORMATION YOU SHOULD KNOW**

A	The duration of coverage is 1 year. You need to renew the insurance cover annually.
B	The insurance will only be effective once you have paid the premium (cash before cover).
C	You must ensure that your vehicle is insured at the appropriate amount as it will affect the amount you can claim.
D	In the event of an accident, you should notify us the soonest possible. You may do so by: Call for Assistance – You may call us or AIA Roadside Assist 24-hour Service Hotline at 1-800-88-8733 or 03-79890352 if your car is badly damaged and you need towing service. Gather Evidence – You should obtain details of the accident such as the vehicles involved, place and time of the accident, photos of accident scene and damages to vehicles involved. Lodge Police Report – You need to report the incident to the police within 24 hours at the nearest police station. Notify Us – You need to report the incident to us and obtain a claim form. You must notify us immediately but in any event: - Within seven (7) days if you are not physically disabled or hospitalised following the incident; or - Within thirty (30) days or as soon as practicable if you are physically disabled or hospitalised following the incident. - You must complete the claim form in full and return it to us with all the necessary supporting documents. - Send your car to any Approved Repairer for inspection before proceeding with repairs. - If your vehicle is damaged, you may either make an own damage claim or a third party claim: Own Damage Claim – making a claim against your own comprehensive policy. However, you will lose your NCD entitlement. Third Party Claim – if you are not at fault in the accident, you can submit the claim either directly to the insurance company of the party at fault, or to us under Own Damage Knock-For-Knock claim, without losing your NCD entitlement. You are encouraged to submit your claim to us for speedier claims processing. You are eligible to claim from the third party insurance company for CART and compensation of excess. For the actual repair time of your vehicle, this is based on the adjuster's recommendation on the number of days required for your car to be repaired.
E	For your own damage claim, you may refer your damage vehicle to any Approved Repairer. We will send an insurance adjuster to assess the damage to your vehicle before authorising the repairs. Note: Please refer to the policy contract for the definition of Approved Repairer.
F	Kindly note that you have the option to purchase commission-free Private Car Insurance by AIA General Berhad through our branches directly or online channel. Please ask AIA for other similar types of cover offered by AIA General Berhad.

**Can I cancel my policy?**

Yes. You may cancel your policy at any time by giving a written notice to us. Upon cancellation, you are entitled to a partial refund of the premium but subject to minimum premium retention by us provided you have not made a claim.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans kenderaan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA General Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Produk ini diedarkan melalui Peak3 (Malaysia) Sdn. Bhd. dan ditaja jamin oleh AIA General Berhad. Peak3 (Malaysia) Sdn. Bhd. ialah ejen berdaftar AIA General Berhad. AIA General Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



AIA General Berhad
201001040438 (924363-W)

Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Insurans Komprehensif Kenderaan Persendirian?

Insurans Komprehensif Kenderaan Persendirian menyediakan insurans terhadap liabiliti kepada pihak lain untuk kecederaan atau kematian, kerosakan harta benda pihak lain, dan kemalangan, kebakaran atau kecurian kenderaan anda.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM1,933.87** setiap tahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

Jumlah Diinsuranskan	RM50,000
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan ("No-Claim-Discount" (NCD))	0%
*Perlindungan Tambahan (Ini dibeli dengan bayaran premium tambahan)	• Kerosakan cermin kenderaan • Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh • Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang • Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai • Pemandu Dinamakan Tambahan <i>Nota: Adalah menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara itu tanpa membuat perlindungan tambahan liabiliti penumpang kepada insurans kenderaan anda.</i>

Polisi anda melindungi: (i) Liabiliti kepada pihak ketiga untuk kecederaan, kematian, kerugian/kerosakan harta benda; (ii) Kerugian/kerosakan kenderaan persendirian akibat kebakaran/kecurian yang tidak disengajakan; (iii) Kerugian/kerosakan kenderaan persendirian akibat kemalangan; dan (iv) Liabiliti kepada pemandu & penumpang kenderaan persendirian (harta benda, kecederaan badan, kematian)	Polisi kenderaan anda tidak termasuk: (i) Kematian atau kecederaan badan anda sendiri; (ii) Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang anda; (iii) Kecurian aksesori kenderaan yang tidak dipasang di kilang (stereo kereta, tempat duduk kulit, rim, dsb.) melainkan diisytiharkan sebaliknya; (iv) Kerugian turutan, susut nilai, karat dan hakisan, kegagalan atau kerosakan mekanikal atau elektrik; dan (v) Kerosakan/Kerugian yang timbul daripada alam semulajadi, seperti banjir, tanah runtuh. <i>Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.</i>
--	--

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kenderaan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
[Insurans Kereta Persendirian](#)
[Komprehensif | Insurans Kenderaan](#)
[Peribadi | AIA Malaysia](#)



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

Untuk insurans kenderaan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium Asas	RM 1,781.36
(-) 0% Kelayakan NCD	RM 0.00
(+) Perlindungan Tambahan	RM 0.00
(+) Cukai Perkhidmatan (tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa)	RM 142.51
(+) Duti Setem	RM 10.00
(+) Komisen / (-) Rebat untuk Pembelian Terus (komisen termasuk dalam premium asas)	10% daripada premium atau RM 178.14
Jumlah premium perlu bayar	RM 1,933.87



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

A	Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans hanya akan berkuat kuasa selepas anda membayar premium (tunai sebelum perlindungan).
C	Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang boleh anda tuntutan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: Hubungi Bantuan – Anda boleh menghubungi kami atau AIA Roadside Assist melalui Talian Hotline 24 jam di 1-800-88-8733 atau 03-79890352 sekiranya kereta anda rosak teruk dan memerlukan perkhidmatan tunda. Kumpul Bukti – Anda perlu mendapatkan butiran kemalangan seperti kenderaan yang terlibat, lokasi dan masa kejadian, gambar tempat kejadian serta kerosakan pada kenderaan yang terlibat. Buat Laporan Polis – Anda perlu melaporkan kejadian kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam di balai polis yang berdekatan. Maklumkan Kepada Kami – Anda perlu melaporkan kejadian kepada kami dan mendapatkan borang tuntutan. Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera tetapi dalam apa jua keadaan: - Dalam tempoh tujuh (7) hari jika anda tidak mengalami kecacatan fizikal atau dimasukkan ke hospital selepas kejadian; atau - Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat mungkin jika anda mengalami kecacatan fizikal atau dimasukkan ke hospital selepas kejadian. 5. Anda mesti melengkapkan borang tuntutan sepenuhnya dan mengembalikannya kepada kami bersama semua dokumen sokongan yang diperlukan. 6. Hantar kereta anda ke mana-mana Bengkel Pembaikan yang Diluluskan untuk pemeriksaan sebelum meneruskan pembaikan. 7. Jika kenderaan anda rosak, anda boleh membuat tuntutan kerosakan sendiri atau tuntutan pihak ketiga: Tuntutan Kerosakan Sendiri – membuat tuntutan terhadap polisi insurans kenderaan anda sendiri. Bagaimanapun, anda akan hilang kelayakan NCD anda. Tuntutan Pihak Ketiga – jika anda tidak bersalah dalam kemalangan tersebut, anda boleh menyerahkan tuntutan tersebut sama ada secara terus kepada syarikat insurans pihak yang bersalah, atau kepada kami di bawah tuntutan Kerosakan Sendiri “Knock-for-Knock” tanpa menjejaskan kelayakan NCD anda. Anda digalakkan menyerahkan tuntutan kepada kami bagi pemprosesan tuntutan yang lebih pantas. Anda berhak untuk menuntut kepada syarikat insurans pihak ketiga bagi Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (“Compensation for Assessed Repair Time” (CART)) dan pampasan bagi ekses. Bagi tempoh pembaikan kenderaan anda, ia adalah berasaskan kepada pada jumlah hari yang diperlukan untuk membaiki kenderaan anda dan dianggarkan oleh ajuster.
E	Untuk tuntutan kerosakan sendiri, anda boleh merujuk kerosakan kenderaan anda kepada mana-mana Bengkel Pembaikan yang Diluluskan. Kami akan menghantar pelaras insurans untuk menilai kerosakan pada kenderaan anda sebelum meluluskan kerja-kerja pembaikan. Nota: Sila rujuk kontrak polisi untuk definisi Bengkel Pembaikan yang Diluluskan.
F	Sila ambil perhatian bahawa anda mempunyai pilihan untuk membeli Insurans Kenderaan Persendirian tanpa komisen dari AIA General Berhad melalui cawangan kami secara langsung atau saluran dalam talian. Sila hubungi AIA untuk jenis perlindungan lain yang sama yang ditawarkan oleh AIA General Berhad.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat bayaran balik sebahagian daripada Premium tetapi tertakluk kepada pengkelan premium minimum oleh Kami dengan syarat anda belum membuat sebarang tuntutan.